

MULAI 1 OKTOBER 2025

**SLIP PENGESAHAN KEFUNGSIAN SPEED
LIMITATION DEVICE (SLD) WAJIB DIKEMUKAKAN
SEMASA PEMERIKSAAN PUSPAKOM SELARAS
DENGAN ARAHAN MOT DAN JPJ**

Pelanggan yang dihormati,

Sejajar dengan arahan rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), **penguatkuasaan penggunaan Speed Limitation Device (SLD) bagi kenderaan perdagangan akan dilaksanakan secara berfasa bermula 1 Oktober 2025.** Pendekatan ini bertujuan memberi masa kepada pemilik dan pengendali kenderaan untuk mematuhi keperluan berdasarkan kategori kenderaan dan tahun pembuatan.

SLD ialah peranti keselamatan dalam sistem kawalan enjin (ECU) yang diaktifkan untuk mengehadkan kelajuan maksimum kenderaan perdagangan kepada 90 km/j. Tujuannya adalah untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan mengurangkan risiko kemalangan yang melibatkan kenderaan berat.

Peranan PUSPAKOM adalah memeriksa dan memastikan pemilik atau pengendali kenderaan mengemukakan Slip Pengesahan Kefungsian SLD asal semasa Pemeriksaan Awalan dan Pemeriksaan Berkala. Bagi kenderaan dengan SLD yang dipasang oleh pengeluar asal (OEM), pemilik hendaklah mengemukakan Slip Pengesahan daripada OEM tersebut, manakala bagi kenderaan dengan SLD yang dipasang selepas pembelian (*retrofit*), pemilik hendaklah mengemukakan Slip Pengesahan daripada syarikat yang diiktiraf oleh JPJ.

**Maklumat ini adalah tepat pada tarikh penerbitan. Sebarang perubahan tertakluk kepada arahan rasmi JPJ.*

FASA PENGUATKUASAAN JPJ DAN TINDAKAN PEMILIK

KATEGORI KENDERAAN		TAHUN DIBUAT	TARIKH PENGUATKUASAAN JPJ	PERANAN PEMILIK SEMASA PEMERIKSAAN
KENDERAAN DENGAN SLD	BAS PERSIARAN & BAS EKSPRES (BDM >5000KG DAN >8 PENUMPANG)	2015 KE ATAS	1 OKT 2025	KEMUKAKAN SLIP PENGESEHAN KEFUNGSIAN SLD ASAL
	LORI / KENDERAAN BARANGAN >3,500KG	2015 KE ATAS	1 OKT 2025	KEMUKAKAN SLIP PENGESEHAN KEFUNGSIAN SLD ASAL
	BAS / LORI (ADA FUNGSI SLD DALAM UNIT KAWALAN ENJIN (ECU)	SEBELUM 2015	1 JAN 2026	AKTIFKAN SLD DALAM ECU DAN KEMUKAKAN SLIP PENGESEHAN KEFUNGSIAN SLD ASAL
KENDERAAN TANPA SLD	BAS / LORI	SEBELUM 2015	1 JUL 2026	PASANG PERANTI SLD BAHARU (RETROFIT) YANG DILULUSKAN JPJ DAN KEMUKAKAN SLIP PENGESEHAN KEFUNGSIAN SLD ASAL

*Maklumat ini adalah tepat pada tarikh penerbitan. Sebarang perubahan tertakluk kepada arahan rasmi JPJ.

STARTING 1 OCTOBER 2025

SPEED LIMITATION DEVICE (SLD) FUNCTIONAL VERIFICATION SLIP MUST BE PRESENTED DURING PUSPAKOM INSPECTION IN ACCORDANCE WITH MOT AND JPJ DIRECTIVES

Dear Valued Customers,

In line with the official directive from the Malaysian Ministry of Transport (MOT) through the Road Transport Department (JPJ), **the enforcement of Speed Limitation Device (SLD) usage for commercial vehicles will be implemented in phases starting 1 October 2025.** This phased approach aims to provide vehicle owners and operators sufficient time to comply with the requirements based on vehicle category and year of manufacture.

SLD is a safety device within the engine control system (ECU) that limits the maximum speed of commercial vehicles to 90 km/h. Its purpose is to enhance road safety and reduce the risk of accidents involving heavy vehicles.

PUSPAKOM's role is to inspect and ensure that vehicle owners or operators submit the original SLD Functional Verification Slip during the Initial and Periodic Inspections. For vehicles with SLD installed by the Original Equipment Manufacturer (OEM), the owner must submit the SLD Functional Verification Slip from the OEM, whereas for vehicles with retrofitted SLD (installed after purchase), the owner must submit the SLD Functional Verification Slip from a company recognised by JPJ.

**This information is accurate as of the publication date. Any changes are subject to official JPJ directives.*

JPJ ENFORCEMENT PHASES AND VEHICLE OWNER ACTIONS

VEHICLE CATEGORY		YEAR OF MANUFACTURE	JPJ ENFORCEMENT DATE	VEHICLE OWNER'S ROLE DURING INSPECTION
VEHICLE WITH SLD	TOUR BUSES & EXPRESS BUSES (BDM >5,000KG AND >8 PASSENGERS)	2015 & ABOVE	1 OCT 2025	PRESENT ORIGINAL SLD FUNCTIONAL VERIFICATION SLIP
	LORRIES / GOODS VEHICLES >3,500KG	2015 & ABOVE	1 OCT 2025	PRESENT ORIGINAL SLD FUNCTIONAL VERIFICATION SLIP
	BUSES / LORRIES (WITH SLD FUNCTION IN ECU)	BEFORE 2015	1 JAN 2026	ACTIVATE SLD IN ECU AND PRESENT ORIGINAL SLD FUNCTIONAL VERIFICATION SLIP
VEHICLE WITHOUT SLD	BUSES / LORRIES	BEFORE 2015	1 JUL 2026	INSTALL NEW JPJ-APPROVED SLD (RETROFIT) AND PRESENT ORIGINAL SLD FUNCTIONAL VERIFICATION SLIP

**This information is accurate as of the publication date. Any changes are subject to official JPJ directives.*